



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

PELAWAAN BAGI KERJA – KERJA PERKHIDMATAN DOBI BAGI PENGURUSAN LOGISTIK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA 2026

- Sukacita dimaklumkan bahawa, pihak Majlis akan melaksanakan perolehan ~~bekalan~~/perkhidmatan bagi Kerja – Kerja Perkhidmatan Dobi Bagi Pengurusan Logistik Majlis Bandaraya Subang Jaya 2026
- Oleh yang demikian tuan/puan adalah dipelawa untuk mengemukakan **surat sebut harga** bagi kerja perolehan ~~bekalan~~/perkhidmatan tersebut mengikut huraian skop kerja yang ditetapkan seperti di lampiran A.
- **Tempoh ~~bekalan~~/perkhidmatan yang ditetapkan adalah selama Dua Belas (12) bulan dari tarikh Surat Tawaran dikeluarkan.**
- Sekiranya berminat, tuan/puan diminta untuk menyerahkan maklumat lengkap seperti senarai berikut dan hantar ke Jabatan Khidmat Pengurusan melalui serahan tangan pada atau sebelum **2 Februari 2026**.
 1. **Surat Sebut Harga (menggunakan *letterhead* syarikat)** bagi Kerja – Kerja Perkhidmatan Dobi Bagi Pengurusan Logistik Majlis Bandaraya Subang Jaya 2026 mengikut spesifikasi dan skop kerja seperti di Lampiran A.
 2. Satu (1) Salinan sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 3. Mengisi maklumat - Lampiran 6 (Surat Akuan Pembida)
 4. Satu (1) salinan sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan kod bidang berkaitan:-

222302- Perkhidmatan Domestik (Dobi)

LAMPIRAN A**A1. SKOP KERJA MENGIKUT TEMPOH MASA YANG DITETAPKAN**

Kerja – Kerja Perkhidmatan Dobi Bagi Pengurusan Logistik Majlis Bandaraya Subang Jaya 2026

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI
1	Kerja-Kerja Mencuci dan Membersihkan Alas Meja, Sarung Kerusi, dan lain-lain yang berkaitan, termasuk: a) Melipat b) Menggosok c) Mengasingkan ikut kategori/jenis Mengambil kain-kain kotor di MBSJ dan menghantarkan semula ke MBSJ setelah selesai dibersihkan, dilipat, digosok, diasingkan dan pembungkusan yang melibatkan jumlah alas meja / sarung kerusi dan lain-lain berkaitan (Jumlah kuantiti (kg) adalah anggaran sahaja)	KG	1 KG
2.	Kerja-kerja membersihkan dan mencuci (<i>Dry Cleaning</i>) jubah Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya perlu dilaksanakan sebanyak 1 kali sebulan atau setiap kali diperlukan serta disimpan di dalam plastik pelindung yang khusus	HELAI	1

TEMPOH BEKALAN (DITETAPKAN): DUA BELAS (12) BULAN

***KADAR HARGA YANG DINYATAKAN OLEH SYARIKAT ADALAH UNTUK TEMPOH DUA BELAS BULAN (12) BULAN DENGAN BERAT ANGGARAN SATU (1) BULAN SEBANYAK 165 KG.**

A2. SPESIFIKASI TEKNIKAL

1. PENDAHULUAN

- Kerja ini adalah pelaksanaan perkhidmatan dobi bagi pengurusan logistik Majlis Bandaraya Subang Jaya.
- Pelaksanaan Perkhidmatan yang tidak mengikut spesifikasi cucian, pihak Majlis berhak membuat pembatalan perkhidmatan cucian tersebut dan perlu digantikan dengan yang lain.
- Harga yang dikemukakan oleh syarikat ialah harga keseluruhan kontrak termasuk Cukai Jualan Dan Perkhidmatan (CJCP), kos penghantaran dan buruh sepanjang kerja ini dijalankan.

2. BIDANG KERJA

- Pelaksanaan Perkhidmatan Dobi dan menghantar mengikut speksifikasi dan kuantiti seperti didalam borang Senarai Kuantiti Dan Perincian.
- Pihak syarikat diberi tempoh hanya **Tiga (3)** hari waktu bekerja untuk menjalankan kerja – kerja cucian tersebut.
- Pihak syarikat dikehendaki menghantar kain yang telah dicuci dan dibersihkan ke lokasi yang ditetapkan oleh pegawai/wakil jabatan.
- Syarikat yang dilantik perlu membawa alat penimbang berat ketika mengambil kain kotor supaya berat kain kotor dapat direkodkan dan dipantau oleh wakil MBSJ.
- Kerja-kerja mencuci dan membersihkan segala kekotoran berkaitan termasuk kerja-kerja melipat, menggosok dan mengasingkan mengikut kategori / jenis.
- Mengambil kain-kain kotor di MBSJ dan menghantarkan semula ke MBSJ setelah selesai dibersihkan, dilipat, digosok, diasingkan dan pembungkusan yang melibatkan jumlah alas meja / sarung kerusi dan lain-lain berkaitan.
- Sekiranya kain yang telah dicuci dihantar dalam keadaan tidak bersih, syarikat perlu melaksanakan cucian semula tanpa sebarang tambahan kos kepada tuntutan syarikat.
- Kontrak ini juga termasuk kerja-kerja membersihkan dan mencuci dengan menggunakan kaedah *Dry Cleaning* jubah Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya perlu dilaksanakan **1 kali sebulan atau setiap kali diperlukan** serta disimpan di dalam plastik pelindung yang khusus.
- Pihak syarikat perlu memastikan tenaga kerja dan peralatan mesin cucian yang mencukupi setiap masa bagi mengelakkan masalah cucian melebihi dari tempoh yang ditetapkan.

- Menetapkan seorang penyelia yang bertanggungjawab sebagai perantaraan antara pihak Majlis dan Syarikat dalam menguruskan kerja-kerja pelaksanaan perkhidmatan dobi.
- Pihak syarikat perlu menerima dan melaksanakan arahan kerja yang dikeluarkan menggunakan Borang Tempahan Perkhidmatan Dobi Bagi Pengurusan Logistik Majlis Bandaraya Subang Jaya
- Hanya arahan kerja/senarai keperluan yang dinyatakan dalam Borang Tempahan Perkhidmatan Dobi sahaja boleh dilakukan oleh pihak syarikat. Sekiranya perlu penambahan arahan kerja, syarikat wajib mendapat pengesahan / menghubungi Bahagian Pentadbiran Am MBSJ sahaja. Sekiranya gagal mematuhi tuntutan bayaran tidak akan dilayan.

3. TANGGUNGJAWAB SYARIKAT

- Sebarang kehilangan / kerosakan / perubahan warna melibatkan keperluan cucian dalam tempoh pengambilan pihak syarikat adalah atas risiko dan tanggungjawab syarikat. Sekiranya berlaku sebarang kehilangan / kerosakan / perubahan warna dalam tempoh simpanan pihak syarikat, Pihak syarikat perlu membuat ganti rugi mengikut spesifikasi asal kain cucian yang telah ditetapkan. (Syarikat tidak berhak menuntut ganti rugi dari pihak Majlis).

4. PEMBAYARAN

- Pembayaran kepada syarikat berdasarkan nilai arahan perkhidmatan yang dikeluarkan dan tertakluk kepada prestasi perkhidmatan yang memuaskan. Pembayaran juga tertakluk kepada peraturan sistem kewangan yang sedang dilaksanakan dan diamalkan oleh Jabatan Perbendaharaan, Majlis Bandaraya Subang Jaya.

5. PERBUATAN RASUAH

- Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan syarikat atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat

dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- Mana-mana syarikat atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

CONTOH BORANG TEMPAHAN PERKHIDMATAN DOBI



**BAHAGIAN PENTADBIRAN AM
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**

CONTOH

BORANG TEMPAHAN BORANG TEMPAHAN PERKHIDMATAN DOBI

Program / Acara : BENGKEL SEMAKAN SEMULA PELAN STRATEGIK
OPERASI BANTUAN KECEMASAN & BENCANA MBSJ

Tempat : DEWAN SERBAGUNA MBSJ, PUCHONG INDAH

Tarikh : 2&3 OKTOBER 2024 (RABU & KHAMIS) Masa : N/A

Pegawai Untuk Dihubungi : NAZRIN No Tel : 012-2957274

BIL	BUTIRAN	KUANTITI	HARGA 1KG (RM)	JUMLAH (RM)
i.	ALAS MEJA BULAT	3 KG	10.00	30.00
ii.	JUBAH DATUK BANDAR	1 NOS	25.00	25.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)				55.00

Disediakan Oleh :

Diluluskan Oleh :

.....
Tarikh :

.....
Tarikh :

Disahkan Penerimaan Oleh Syarikat:

Catatan:

.....
(Cap Syarikat & T/Tangan)

Tarikh:

LAMPIRAN 6

SURAT AKUAN PEMBIDA

**KERJA – KERJA PERKHIDMATAN DOBI BAGI PENGURUSAN LOGISTIK MAJLIS
BANDARAYA SUBANG JAYA 2026
MBSJ.KP.400-5/2/83**

Saya, (Nama wakil syarikat) No. Kad Pengenalan yang mewakili (Nama Syarikat) No. Pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana- mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam..... (Nama Kementerian/Agensi) atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa :

- 3.1 Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing- masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
- 3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cop Syarikat :

Catatan:

(i) *Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574] .

(ii) **Seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

(iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.

(iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.